



KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN

Ministry of Agriculture and Food Security

Wisma Tani

No 28, Persiaran Perdana, Presint 4

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62624 PUTRAJAYA,

MALAYSIA

No. Telefon : 03-8000 8000

No. Faks : 03-8888 6020

Laman Web : www.kpk.gov.my

SIARAN MEDIA

KUNJUNGAN HORMAT OLEH MENTERI - MENTERI ASEAN (KEMBOJA DAN BRUNEI DARUSSALAM) KE ATAS MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN

KUALA LUMPUR, 7 OKTOBER 2023 –Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, YB Datuk Seri Haji Mohamad bin Sabu, telah menerima kunjungan hormat daripada TYT Dith Tina, Menteri Pertanian, Perhutanan dan Perikanan Kemboja dan TYT Dato' Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf, Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Brunei Darussalam semasa Mesyuarat Menteri-Menteri ASEAN Mengenai Pertanian dan Perhutanan (AMAF) serta Mesyuarat-Mesyuarat Berkaitan pada 6 Oktober 2023.

Pertemuan ini merupakan yang pertama antara kedua-dua rakan sejawatnya bertujuan bagi memperkukuhkan kerjasama perdagangan dalam sektor pertanian. Untuk rekod, nilai perdagangan pertanian antara Malaysia dan Kemboja mencatatkan peningkatan sebanyak 17% iaitu RM452.8 juta pada tahun 2022 berbanding RM375 juta pada tahun 2021. Manakala nilai perdagangan pertanian antara Malaysia dan Brunei Darussalam sebanyak RM1.05 billion pada tahun 2022.

Bagi memperkukuhkan lagi hubungan dua hala antara Malaysia dan Brunei Darussalam, Malaysia berhasrat untuk menerokai potensi kerjasama dalam penternakan udang, penyelidikan dan pembangunan pertanian serta pengeksporan produk ternakan ke Brunei Darussalam.

Semasa pertemuan ini juga, Kemboja mempelawa Malaysia untuk melabur dalam bidang pertanian dan malah turut mempromosikan beras daripada Kemboja untuk dieksport ke Malaysia.

Pertemuan ini turut dihadiri oleh Timbalan Menteri, YB Datuk Chan Foong Hin, Ketua Setiausaha, Datuk Lokman Hakim Ali dan pegawai-pegawai kanan KPKM, serta wakil dari Jabatan Perikanan Malaysia (DOF), Jabatan Pertanian Malaysia (DOA) dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS).

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
7 OKTOBER 2023